



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**(Human Resources Development Council)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 5/97**

**PERTAMBAHAN MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN DALAM BORANG PERMOHONAN  
BANTUAN KEWANGAN DI BAWAH SKIM-SKIM LATIHAN MAJLIS PEMBANGUNAN  
SUMBER MANUSIA**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan bahawa terdapat maklumat tambahan diperlukan mengenai latarbelakang pekerja-pekerja yang mengikuti latihan iaitu jantina dan keturunan. Dengan demikian, kerjasama tuan-tuan adalah diperlukan untuk memberikan maklumat berkenaan pada masa mengemukakan semua permohonan geran latihan.

**2. MENGEMUKAKAN MAKLUMAT KETURUNAN DA JANTINA SEMASA PERMOHONAN  
GERAN LATIHAN**

- 2.1 Majlis sering menerima permintaan dari Agensi Pusat untuk membekalkan maklumat mengenai pecahan kaum dan jantina pekerja yang mengikuti latihan. Pada masa ini Majlis tidak dapat membekalkan maklumat yang diminta berkenaan. Oleh kerana maklumat ini penting dalam perancangan pembangunan negara, Majlis bersukacita mendapat kerjasama daripada majikan-majikan untuk membekalkan maklumat berkenaan pada masa mengemukakan permohonan geran sama ada melalui Skim Bantuan Latihan (SBL), Pelan Latihan Tahunan (PLT), Perjanjian Latihan Dengan Penyedia Latihan (PERLA), Program Latihan Yang Diluluskan (PROLUS) dan Skim Latihan Bersama.
- 2.2 Oleh kerana borang-borang permohonan bagi skim-skim latihan berkenaan masih berbaki, pada masa mengemukakan permohonan geran latihan pihak majikan hendaklah menyertakan maklumat kaum dan jantina seperti format di Lampiran A.

- 2.3 Kerjasama tuan-tuan adalah sangat dihargai dan diucapkan terima kasih.

**3. PENUTUP**

Pekeling Majikan Bil. 5/97 ini berkuatkuasa mulai 01 September 1997.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

saya yang menurut perintah,

(RUSNAN BIN SAMAT)  
Pengarah Geran Latihan  
b.p Ketua Pengarah Majlis Pembangunan Sumber Manusia

